KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

WALKABOUT BAZAR RAMADAN 2023 BERSAMA YANG BERHORMAT MENTERI KESIHATAN DAN PELANCARAN OPS KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN MAKANAN BAZAR RAMADAN 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) setiap tahun menjalankan pemantauan ke atas Bazar Ramadan seluruh negara. Pemantauan ini termasuk pemeriksaan di peringkat sumber meliputi bahan mentah dan tempat penyediaan makanan bagi peniaga yang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini bagi memastikan makanan yang disediakan dan dijual adalah selamat dan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Semasa Operasi Ramadan tahun 2022, sebanyak 19,951 premis makanan telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38 premis makanan yang tidak bersih telah dikenakan tindakan penutupan dan sebanyak 1,030 notis kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009.

KKM melalui BKKM dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan akan meneruskan Ops yang meliputi kempen keselamatan makanan yang komprehensif bagi memastikan makanan yang dijual di Bazar Ramadan adalah selamat dan berkualiti. Ops ini bertujuan untuk melindungi kesihatan awam dan mempromosi amalan keselamatan makanan dalam kalangan penjual dan pengguna. Tema yang dipilih bagi tahun ini adalah **“Sama-Sama Perhati & Pilih Juadah Di Bazar Ramadan”.**

Aktiviti *walkabout* dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya yang dijalankan pada hari ini adalah merupakan *kick-off* bagi pelancaran Ops Kebersihan dan Keselamatan Makanan Bazar Ramadan 2023. Acara ini dimulakan dengan Bazar

Ramadan di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya dan akan turut dilaksanakan serentak di seluruh negara. Selain itu, penggunaan “QR Code” bagi Aduan Kebersihan dan Keselamatan Makanan Bazar Ramadan Putrajaya turut diperkenalkan sebagai medium bagi memudahkan pengguna untuk menyalurkan sebarang aduan berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan di bazar-bazar di Putrajaya.

Pihak KKM ingin menegaskan kepada peniaga dan pengguna untuk memandang serius tentang keselamatan makanan dan bekerjasama memastikan makanan yang dijual adalah selamat dan berkualiti untuk semua. KKM juga ingin menasihatkan orang ramai agar membeli makanan di premis makanan yang bersih. KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh hubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melayari laman sesawang http://moh.spab.gov.my serta facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
24 MAC 2023